

Tukar rumput stadium perlu kajian

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) sedang mengkaji sama ada perlu menukar rumput yang digunakan di Stadium Nasional Bukit Jalil ketika ini ataupun sebaliknya.

Pengerusi PSM, Datuk Rozabil Abdul Rahman bagaimanapun berkata, terdapat pertimbangan yang harus dilakukan sekiranya pilihan mengekalkan jenis rumput Bermuda itu dimuktamadkan memandangkan ia memerlukan pancaran cahaya matahari yang lebih banyak selain kemungkinan bumbung stadium perlu diubahsuai.

Katanya, sekiranya perlu

» PSM buat pertimbangan terbaik sebelum buat keputusan muktamad

menggunakan jenis rumput baharu seperti disarankan beberapa jurulatih sebelum ini dilakukan di Stadium Selayang dan Larkin iaitu *cow grass*, timbul pula rasa 'serba salah' buat badan berwajib itu terutama memabatkan standard stadium utama negara itu.

"Kita tengah mengkaji pilihan yang terbaik untuk stadium ini. Daripada empat pilihan rumput tropika yang boleh digunakan, kita sudah cuba tiga, sebelum ini seperti paspalum dan kini jenis Bermuda.

"Pilihan terakhir ialah *cow grass* namun ia sedikit serba salah sebab mungkin nanti timbul persoalan mengenainya kerana

cow grass kebiasaannya digunakan di padang sekolah dan sebagainya.

"Sebenarnya kita sudah cuba *cow grass* di Bukit Jalil dan tumbuh elok sebab ia tak gunakan banyak cahaya. Bukit Jalil ini isunya adalah kemasukan cahaya matahari secara langsung hanyalah selama satu jam.

Guna pakar UPM

"Sekiranya mahu menggunakan lampu *grow light* seperti sebelum ini (untuk rumput selain *cow grass*), ia memerlukan kos yang besar untuk meletakkan *grow light* di seluruh padang pula. Jadi sekarang ini, kami sedang melihat apa pilihannya, sama ada nak kekal Bermuda ataupun

menggunakan cara lain," katanya mengulas mengenai keretakan dialami rumput di Stadium Nasional ketika saingan final Piala Malaysia pada Sabtu lalu.

Stadium berkenaan sebelum ini ditutup bagi tujuan baik pulih dengan kos perbelanjaan hampir RM1.5 juta dan kira-kira RM300,000 daripadanya dibelanjakan untuk rumput.

Mengulas lanjut Rozabil berkata: "Perbelanjaan besarnya ialah untuk infrastruktur dan itu memuaskan hati saya. Kita sudah lihat tempoh hari (final Piala Malaysia), sebelum itu hujan lebat tapi air sudah tidak bertakung seperti sebelum ini, becak. Jadi belanja sebanyak itu untuk in-

frastruktur dan rumput ini tidaklah besar perbelanjaannya iaitu dalam RM300,000 saja.

"Jadi kita tengah fikir supaya tidak membazir kalau pilihan terakhir ialah *cow grass*, mungkin jenis rumput sedia ada ini akan diletakkan di stadium terbuka seperti di Bukit Kiara atau Kampung Pandan. Perkara ini sedang dibincangkan supaya tidak berlaku pembaziran.

"Mungkin keputusan untuk jenis rumput ini akan diketahui seminggu lagi. Pihak pengurusan juga sedang memikirkannya dan kami ada menggunakan khidmat profesor dari UPM (Universiti Putra Malaysia) untuk bantu selesaikan isu rumput ini."